



SIARAN MEDIA

MNKT KE-87: PERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA KERAJAAN TEMPATAN, PELIHARA KEHARMONIAN MASYARAKAT DAN KEBERSIHAN ALAM SEKITAR

PUTRAJAYA, 12 Mac 2026 – Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-87 pada hari ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri II Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof dan turut dihadiri oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming, barisan Exco Kerajaan Negeri, menteri-menteri Persekutuan yang berkaitan serta pegawai kanan kerajaan di Bangunan Perdana Putra.

Dalam mesyuarat tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri menegaskan bahawa tema menyeluruh bagi MNKT Ke-87 adalah **memperkuh aspek penguatkuasaan di peringkat kerajaan tempatan** bagi memastikan setiap dasar, peraturan serta garis panduan yang digubal dapat dilaksanakan secara lebih konsisten, berhikmah dan berkesan di lapangan.

Secara keseluruhan, sebanyak **enam (6) kertas** telah dibentangkan dalam mesyuarat ini yang merangkumi tiga (3) kertas pertimbangan dan tiga (3) kertas makluman.

i. **Garis Panduan Kerja Ubahsuai Bangunan**

Mesyuarat MNKT Ke-87 telah bersetuju dengan garis panduan ini untuk menyeragamkan prosedur permohonan serta syarat teknikal bagi kerja pengubahsuaian kediaman dan premis komersial di seluruh negara. Garis panduan ini memberikan penjelasan kepada pemilik bangunan mengenai skop kerja yang dibenarkan tanpa menjejaskan aspek keselamatan struktur, pengudaraan semula jadi serta keharmonian perancangan bandar.

ii. **Garis Panduan Pengurusan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

MNKT Ke-87 seterusnya bersetuju dengan garis panduan ini bagi memantapkan sistem pengurusan sisa lemak, minyak dan gris (FOG) di premis makanan. Inisiatif ini bertujuan mengelakkan penyumbatan sistem perparitan awam serta pencemaran sumber air di kawasan bandar, sekali

gus menyokong agenda kelestarian alam sekitar dan mengurangkan kos penyelenggaraan infrastruktur awam oleh PBT.

iii. **Garis Panduan Pelaksanaan Khidmat Masyarakat bagi Kesalahan Pembuangan Sampah Kecil oleh PBT**

Mesyuarat turut bersetuju dengan garis panduan ini sebagai pendekatan pendidikan dan pembedahan tingkah laku kepada pesalah supaya perkara ini dapat dilaksanakan mengikut kesesuaian di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan khidmat masyarakat ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan tahap kebersihan bandar, malah menyemai rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan masyarakat untuk memelihara kebersihan persekitaran awam.

iv. **Cadangan Mekanisme Pemutihan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)**

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan yang diterajui oleh PLANMalaysia ini bagi memelihara keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia serta memastikan penyediaan rumah ibadat bukan Islam dapat dirancang secara lebih tersusun dan inklusif.

v. **Pelaksanaan Kuasa Menteri Kerja Raya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] Berkaitan Pengurusan Struktur Paparan Iklan**

MNKT Ke-87 juga mengambil maklum berkenaan perkara tersebut yang memperkemas pengurusan struktur paparan iklan di rizab jalan Persekutuan bagi memastikan aspek keselamatan, penyelenggaraan serta pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan sentiasa terpelihara.

vi. **Status Semasa Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) Bagi Kesalahan Pembuangan Sampah Kecil**

Mesyuarat turut mengambil maklum perkara ini yang telah dikuatkuasakan sepenuhnya bermula 1 Januari 2026 oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Operasi penguatkuasaan ini telah dilaksanakan secara serentak di beberapa negeri termasuk Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setakat 10 Mac 2026, sebanyak 1,001 notis kesalahan telah dikeluarkan, termasuk 213 orang warga asing.

Mesyuarat MNKT merupakan medium penggubalan dasar dan perundangan berkenaan hal ehwal Kerajaan Tempatan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini akan dibawa untuk perhatian Kerajaan Negeri sebelum dilaksanakan secara rasmi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara.

Kerajaan MADANI melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan Kerajaan Negeri serta PBT bagi memastikan setiap keputusan MNKT diterjemahkan kepada tindakan yang berkesan di lapangan demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

